

# 59 PKS dapat logo Jenama Malaysia

**SME Corporation Malaysia** (SME Corp) setakat ini sudah memberikan hak dan penarafan kebangsaan logo Jenama Malaysia kepada 59 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan daripada pelbagai sektor.

Pengerusi SME Corp, Datuk Ir Mohamed Al Amin Abdul Majid, berkata sebanyak 24 syarikat lagi sedang dinilai dan pihaknya terus menerima maklum balas serta permohonan baru daripada PKS yang berminat mendapatkan penarafan kebangsaan itu.

Katanya, SME Corp meletakkan standard yang tinggi untuk pemberian hak menggunakan logo Jenama Malaysia supaya hanya syarikat PKS yang terbaik dan layak yang akan dipilih bagi menjamin kualitinya.

## Tak tetap sasaran

"Kami tidak menetapkan sasaran jumlah pengguna logo yang layak pada masa depan supaya kami boleh fokus kepada kualiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan mereka bagi memastikan syarikat yang diiktiraf nanti adalah syarikat terbaik dikalangan PKS tempatan.

"PKS yang memiliki logo ini



Mohamed Al Amin (tengah) bersama Hafsa (kanan) dan Rebecca Fatima ketika melancarkan rangkaian peserta logo Jenama Malaysia dengan agensi berkaitan di Kuala Lumpur, semalam

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]

adalah daripada sektor pengilangan, perkhidmatan dan terbaru di antara mereka adalah dikalangan peserta industri multimedia," katanya pada sidang media selepas pelancaran sesi rangkaian peserta logo Jenama Malaysia dengan agensi berkaitan di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria; dan Ketua Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp), Datuk Hafsa Hashim.

Turut berlangsung pelancaran laman web [www.national-mark.govmy](http://www.national-mark.govmy) yang akan menyedi-

akan maklumat terkini berhubung skim penarafan kebangsaan logo Jenama Malaysia.

Pada majlis itu, SME Corp turut mengumumkan pelancaran pertandingan video dalam talian "Why I Choose Malaysia Quality" dengan tawaran hadiah utama wang tunai berjumlah RM10,000.